

PRESS CLIPPING

DATE : OCTOBER 1, 2019
MEDIA : KOSMO
SECTION : NIAGA
PAGE : FRONT PAGE
COLOUR : FULL COLOUR
EXPOSURE VALUE : TO BE DETERMINED

LTAT umum dividen dua peratus

Oleh IKHWAN IDERIS

KUALA LUMPUR – Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengumumkan dividen sebanyak dua peratus untuk tahun kewangan (TK) berakhir 31 Disember 2018. Pembayaran tersebut dibuat berdasarkan kepada pendapatan bersih sebanyak RM221 juta, penurunan 51.9 peratus berbanding RM459 juta pada TK17. Ia melibatkan agihan berjumlah RM161.2 juta kepada ahli dan pembayaran akan dibuat minggu ini.

Pengerusi LTAT, Jeneral Tan Sri Mohd. Zahidi Zainuddin berkata, faktor utama penurunan ketara dividen untuk TK18 adalah disebabkan pembayaran dividen di luar kemampuan untuk TK16 dan TK17.

"Saya tidak gembira untuk memberikan kadar dividen sebegini kepada anggota tentera, namun melihat kepada keadaan kewangan yang dihadapi pada TK18 dan bagi memastikan



MOHD. ZAHIDI (kiri) bersama Nik Amlizan melihat laporan kewangan LTAT di Kuala Lumpur semalam.

LTAT dapat terus berkhidmat kepada ahlinya, lembaga mengisytiharkan dividen dua peratus.

"LTAT kini berada di bawah pengurusan baharu dan kami percaya, pelan transformasi lima tahun LTAT akan meletakkannya pada kedudukan lebih baik dalam memanfaatkan pe-

luang pelaburan yang menguntungkan, seterusnya memberi nilai terbaik kepada ahli selaras matlamat utama penubuhannya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar pengumuman dividen LTAT yang diadakan di sini semalam.

Turut hadir Ketua Eksekutif LTAT, Nik Amlizan Mohamed.

Nik Amlizan menjelaskan, kesan Sijil Pendapat Berteguran daripada Jabatan Audit Negara, pendapatan LTAT sebanyak RM595 juta pada TK16 perlu diselaraskan semula kepada RM256.2 juta, apabila RM238.8 juta daripadanya didapati adalah hasil dua urus niaga penjualan tanah yang belum dimuktamadkan.

Menurut beliau, pendapatan bagi TK17 turut diselaraskan semula kepada RM459.5 juta berbanding RM662.2 juta sebelum ini, kerana sejumlah RM202.7 juta daripadanya juga hasil dua lagi urus niaga penjualan tanah yang belum dimuktamadkan.

"Pengumuman pendapatan berlebihan ini bagaimanapun membawa kepada pembayaran dividen di luar kemampuan pada dua tahun kewangan tersebut, melibatkan pembayaran dividen berjumlah RM685.5 juta pada TK16 dan RM686.8 juta bagi TK17.

"Ia memberi impak kepada

INFO Dividen LTAT 2017 tak sampai 12.5 peratus

Info dividen LTAT

| Tahun | Dividen diumumkan | Dividen sebenar |
|-------|-------------------|-----------------|
| 2013 | 16% | 10.66% |
| 2014 | 15% | 10.32% |
| 2015 | 12% | 8.10% |
| 2016 | 12% | 7.99% |
| 2017 | 12.5% | 8.27% |
| 2019 | 2% | - |

keuntungan terkumpul LTAT. Selain itu, pelaksanaan Standard Laporan Kewangan Malaysia telah mengakibatkan susut nilai sebanyak RM116.7 juta bagi TK18. "Hasil pelbagai faktor ini, LTAT mencatatkan keuntungan positif sebanyak RM38.7 juta bagi TK18 berbanding kerugian terkumpul RM170.8 juta bagi TK17," katanya.

Selain itu, tambah beliau, LTAT kini memiliki jumlah aset sebanyak RM9.4 bilion sehingga hujung TK2018," katanya.

PRESS CLIPPING

DATE : OCTOBER 1, 2019
MEDIA : KOSMO
SECTION : NIAGA
PAGE : FRONT PAGE
COLOUR : FULL COLOUR
EXPOSURE VALUE : TO BE DETERMINED

LTAT struktur semula portfolio pelaburan

KUALA LUMPUR – Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) merancang untuk menyusun semula portfolio pelaburannya bagi meningkatkan nilai aset di bawah jagaannya.

Bagaimanapun, Ketua Eksekutifnya, Nik Amlizan Mohamed berkata, pihaknya tidak menyatakan secara khusus aset mana yang sedang dipertimbangkan.

“Kami akan mengkaji semula rosot nilai dan pada masa ini, kami telah melantik seorang Ketua Pegawai Pelaburan untuk menyelia pelaburan kami pada masa depan. Jawatan itu baru diwujudkan, yang mana tidak ada sebelum ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di sini semalam.

Nik Amlizan menjelaskan, LTAT juga akan mengeluarkan penyata minat risiko yang akan menjadi asas bagi peruntukan aset strategiknya.

Ditanya mengenai pemegangan saham LTAT dalam Boustead Holdings Bhd., beliau berkata, bahawa LTAT mungkin menimbang untuk mengurangkannya, tetapi bukan pada waktu ini.

“Boustead mempunyai potensi besar tetapi pegangan kami dalam syarikat itu terlalu banyak, ia bukan amalan terbaik,” katanya.

LTAT adalah pemegang saham majoriti dalam Boustead dengan kira-kira 69.6 peratus pegangan.

Sehingga kini, portfolio pelaburan LTAT terdiri daripada 10 peratus dalam pembangunan hartanah, pelaburan hartanah (lima peratus), ekuiti tidak tersenarai (17 peratus), syarikat tersenarai (60 peratus) dan kumpulan syarikat-syarikat (lapan peratus).